

# Sedia pertahanan emas

➔ Barisan bola sepak 5 sebelah Malaysia buat persiapan rapi

**Oleh Mohd Khairie Khalid**  
khairie@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**T**ampil selaku juara bertahan bola sepak 5 sebelah pada Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017 (Para KL2017) bukan sesuatu yang mudah, namun skuad negara diyakini mampu memenangi emas.

Jurulatih negara, S Sunny ketika melaungkan harapan skuad bimbingannya itu menyifatkan tekanan pasti ada apatah lagi beraksi di laman sendiri.

Katanya, tiga saingan utama dalam temasya kali ini adalah Thailand, Vietnam dan Laos.

“Kami sudah bersedia berdepan saingan daripada pasukan ASEAN. Negara membangun dalam sukan ini seperti Vietnam dan Laos jelas cepat belajar,” katanya pada sidang media Program Kita Juara 2017 di Hotel Seri Pacific, di sini, semalam.

## **Lalui fasa terakhir**

“Jadi kita perlu berhati-hati dengan pemain mereka kerana cara latihan di setiap negara berbeza. Tetapi kami menghormati pihak lawan sama ada Laos, Vietnam mahupun Thailand kerana semua negara memiliki kekuatan masing-masing dan pastinya tiga negara ini adalah pencabar utama.

“Walaupun kami kerap kali bermain dengan Thailand dan tahu corak lawan

mereka, namun kami menghormatinya,” katanya.

Mengulas lanjut, Sunny berkata setakat ini semua pemain sedang melalui fasa terakhir dan sedang melakukan persiapan penyesuaian venue di Stadium Hoki Bukit Jalil selain latihan di Universiti Putra Malaysia.

Katanya, mereka juga semakin bersemangat, sekali gus meletakkan harapan tinggi kerana Malaysia memenangi pingat emas sukan ini di Singapura pada 2015, sekali gus yakin mampu mempertahankan pingat berkenaan.

Temasya kali bakal menyaksikan pertembungan empat negara yang mengambil bahagian, iaitu Malaysia selaku tuan rumah, Thailand, Vietnam dan Laos.